



PESERTA FELDA Everest 2013 sebelum berlepas ke Kathmandu, Nepal, semalam.

Foto: FARIZ ISWADI ISMAIL

'Doakan kami'

■ 5 pendaki FELDA Everest berlepas ke Nepal

Oleh Siti Aisyah Sukaimi
sitaisyah@hmetro.media
prima.com.my
Sepang

Saya mahu buktikan kepada rakyat Malaysia yang saya pun boleh melakukannya sama seperti peserta lelaki," kata Myrza Fasha Md Hamyrudin, 25, seorang daripada lima pendaki misi FELDA Everest 2013.

Bekas pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) jurusan kejuruteraan elektronik itu berkata, dia bangga kerana pendakian ke Gunung Everest memberi peluang kepadanya membawa nama negara ke puncak tertinggi dunia, sekali gus mengharumkan Malaysia dan FELDA.

"Saya bersedia dari segi

mental dan fizikal serta berharap pendakian ini dapat dilakukan tanpa sebarang halangan.

"Paling mengembirakan apabila ibu bapa, Siti Zaunah Mat Tenan, 47, dan Md Hamyrudin Mohd Hashim, 55, memberi sokongan kepada saya dalam pendakian ini sehingga ke puncak," katanya ketika ditemui pemerita sebelum berlepas ke Kathmandu, Nepal di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini, semalam.

Seramai lima pendaki misi FELDA Everest 2013, dua jurulatih serta tujuh pendaki kumpulan sokongan berlepas ke Kathmandu, Nepal, semalam.

Lima pendaki terbabit dijangka memulakan pendakian ke puncak tertinggi dunia itu pada 15 hingga 28 Mei depan manakala semua peserta dijangka tiba ke tanah air pada 1 Jun depan.

Myrza Fasha yang berasal

dari FELDA Tersang, Raub, Pahang berharap rakyat Malaysia turut memberi sokongan serta mendoakan kesajaeraan dan kesihatan semua pendaki terbabit sepanjang menjayakan misi berkenaan.

"Kami berharap misi ini sampai ke puncak," katanya.

Seorang lagi pendaki, Muhammad Hafizuddin Ibrahim, 22, berkata, dia yakin kerana latihan yang dijalani

mampu menggerakkan mereka dalam pendakian di Gunung Everest.

"Saya juga sama seperti rakan lain bersedia dari segi mental dan fizikal serta tidak sabar memulakan pendakian ke puncak tertinggi di dunia itu."

"Malah, saya berharap pendakian ini memberi inspirasi kepada anak muda terutama warga FELDA melakukan sesuatu yang dapat mengharumkan nama negara," katanya.

FAKTA
Mulakan pendakian ke puncak tertinggi dunia pada 15 hingga 28 Mei